

22 OCT 2000

Izat-Masjid

IZAT EMIR KESAL TINDAKAN PAS CEMAR KESUCIAN MASJID DARUL EHSAN

KUALA LUMPUR, 22 Okt (Bernama) -- Anggota jawatankuasa Masjid Darul Ehsan, Subang Jaya, Datuk Moehamad Izat Emir kesal dengan tindakan penyokong Pas yang dikatakan mencemar kesucian masjid itu.

Katanya mereka telah menampal poster parti dan menganjurkan program ceramah dan khutbah yang mengutuk kerajaan di samping tidak menghormati anggota jawatankuasa masjid berkenaan.

Beliau memberitahu Bernama bahawa tindakan itu boleh menjurus kepada perpecahan perpaduan umat Islam yang merupakan satu perkara yang ditegah agama.

Menurutnya adalah lebih baik jika ceramah Pas diadakan di tempat lain selain masjid khusus untuk para pengikut parti itu sahaja.

"Jelas sekali mereka cuba gunakan kesempatan terhadap jemaah yang datang semata-mata untuk sembahyang dan bukan untuk dengar khutbah/ceramah, untuk menyampaikan mesej parti mereka," kata Moehamad Izat yang juga Presiden Persatuan Pedagang dan Pengusaha Melayu Malaysia (Perdasama).

Beliau berkata tindakan Pas itu mungkin menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan jemaah lain yang menjadi penyokong parti masing-masing.

Moehamad Izat juga bersetuju dengan pandangan yang menyatakan kebebasan demokrasi tidak boleh terlalu luas kerana ia boleh merosakkan kestabilan negara dan prestasi ekonomi.

Katanya perjuangan Umno satu ketika dulu adalah untuk ketuanan Melayu sahaja tetapi kini, di bawah kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ia mencakupi aspek yang luas termasuk ekonomi dan pendidikan.

-- BERNAMA

AKT MAM RI